



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**MERINYU SUKATAN DAN TIMBANGAN (C.2 EB.3)  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Svarat-Svarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU SUKATAN DAN TIMBANGAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Civil Engineering/ Kewangan / Mechanical Engineering / Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan / Perakaunan atau bidang yang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menguatkuasakan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dengan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pengujian ke atas alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan bagi tujuan perdagangan secara berjadual dan tidak berjadual;
2. Mengetahui kumpulan penguatkuasaan dan menyediakan laporan penguatkuasaan;
3. Membuat laporan pengujian hasil pemeriksaan, lawatan kerja dan mana-mana perjumpaan serta perbincangan yang diadakan berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Sukatan dan Timbangan;



4. Menyemak, meneliti dan mengesahkan hasil Laporan Pengujian Teknikal yang disediakan oleh Pemeriksa dan Mekanik Sukatan dan Timbangan;
5. Menyediakan dan menghadapkan permohonan keperluan penguatkuasaan, teknikal dan Pejabat cawangan kepada Merinyu Kanan atau Pegawai Kanan; dan
6. Melaksanakan arahan-arahan pegawai atasan dari semasa ke semasa.